



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI**

**CAKERA PADAT FILEM CETAK ROMPAK:
KAJIAN TERHADAP DEMOGRAFI YANG
MEMPENGARUHI PERMINTAAN**

**FARAH HAFIZAH BT AZMAN
2013577157**

**SARJANA MUDA
TEKNOLOGI KREATIF (KEPUJIAN)
PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF**

MAC 2016

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**CAKERA PADAT FILEM CETAK ROMPAK:
KAJIAN TERHADAP DEMOGRAFI YANG
MEMPENGARUHI PERMINTAAN**

FARAH HAFIZAH BT AZMAN

Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat memperoleh ijazah
Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Kepujian)
Pengurusan Industri Kreatif

Fakulti Filem, Teater dan Animasi

Mac 2016

**FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS PUNCAK PERDANA
SHAH ALAM, SELANGOR**

SESI: MAC 2016 – JULAI 2016

**DENGAN INI MENGESAHKAN
FARAH HAFIZAH BT AZMAN
2013577157**

**TELAH MEMENUHI SEGALA SYARAT PENULISAN LATIHAN ILMIAH
YANG TELAH DITETAPKAN OLEH JAWATAN KUASA AKADEMIK
FAKULTI**

TARIKH:

.....

PENYELIA

ENCIK AZROZ BIN MOHD

.....

DEKAN

DATO' PROFESOR A. RAZAK HJ. MOHAIDEEN

.....

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali pendapat-pendapat dan karya-karya yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Kajian ilmiah ini juga belum pernah dihantar ke mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk sebarang ijazah atau kelulusan.

Nama Pelajar : Farah Hafizah Bt Azman

No. Matrik : 2013577157

Program : Pengurusan (FF226)

Fakulti : Fakulti Filem, Teater Dan Animasi

Tajuk Kajian : Cakera Padat Filem Cetak Rompak: Kajian Terhadap
Demografi Yang Mempengaruhi Permintaan

Tandatangan Pelajar :
.....

Tarikh : Julai 2016

ABSTRAK

Lembah Klang merupakan salah satu kawasan yang kerap berhadapan dengan masalah penyelewengan filem cetak rompak. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor demografi yang mampu mempengaruhi permintaan pembeli cakera padat cetak rompak. Metodologi yang digunakan untuk mengumpul dapatan kajian merupakan kaedah kajian campuran kuantitatif dan kualitatif. Borang soal selidik atas talian diisi oleh 105 orang responden lelaki dan perempuan secara rawak, kaedah temubual diadakan bersama dengan *key informant* bagi mengesahkan segala data yang terkumpul, kajian lapangan dan pemerhatian dijalankan untuk menyaksikan dan membuktikan sendiri kekerapan aktiviti haram menjual dan membeli cakera padat cetak rompak, serta kaedah pencarian maklumat lepas dan terbaru menerusi laman sesawang juga pembacaan di perpustakaan. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawasanya selain dari faktor harga, faktor demografi sememangnya mampu mempengaruhi keputusan pembelian.